

**ANALISIS PENYUNTINGAN DAN PENILAIAN
KUALITI TERJEMAHAN TEKS EKSPRESIF,
INFORMATIF DAN OPERATIF**

NOONI EZDIANI BINTI YASIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**ANALISIS PENYUNTINGAN DAN PENILAIAN
KUALITI TERJEMAHAN TEKS EKSPRESIF,
INFORMATIF DAN OPERATIF**

oleh

NOONI EZDIANI BINTI YASIN

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2025

DEDIKASI

Tesis ini ditujukan khas buat kedua-dua ibu bapak, ibu bapa mertuaku, suamiku, anak-anakku dan adik-beradikku. Bilion terima kasih atas segala semangat yang diberi, bantuan dan pengorbanan selama ini.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi, tesis ini berjaya dihasilkan. Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penghasilan penulisan ini, terutamanya kepada kedua-dua penyeliaku. Segala curahan ilmu, bantuan dan semangat yang diberi amat saya hargai. Jasa anda kukenang selamanya. Hanya Allah SWT yang dapat membalasnya.

Bilion terima kasih kepada:

- Dr Anis Shahirah Abdul Sukur (penyeliaku yang terhormat)
- Profesor Madya Dr Rokiah Awang (penyeliaku yang terhormat)
- Encik Sahrol Mohd Razali
- Encik Zulkarnain Sahrol
- Encik Iskandar Sahrol
- Encik Yusuf Sahrol
- Profesor Dr Siti Munira Yasin
- Puan Intan Rafidah Yasin
- Puan Nurul Ibtisyami Yasin
- Encik Abdul Muhaimin Yasin
- Puan Nor Azimah Yasin
- Encik Mohd Asyraf Yasin
- Encik Zul Hilmi Yasin
- Profesor Madya Dr Haslina Haroon
- Dr Wan Rose Eliza Abdul Rahman
- Profesor Madya Dr Hasuria Che Omar
- Profesor Dr Azman Che Mat
- Profesor Dr Goh Sang Seong
- Dr Leelany Ayob
- Profesor Madya Dr Idris Mansor
- Leftenan Kolonel Mohd Azmi M. Salimdia
- Cik Nurul Syafiqah Daud
- Dr Idatul Akmar Zulkipli
- Encik Amir Muslim
- Encik Nazrai Ahmad Zabidi
- Puan Azleen Ismail
- Puan Nur Aniza Zainal
- Profesor Dr Widad Othman
- Profesor Madya Dr Raemah Abdullah
- Puan Noor Zuleika Zulkipli
- Puan Rabialtu Sulihah Ibrahim
- Dr Tun Nurafizah Zainal Ariff
- Dr Nurfardilawati Musa
- Dr Atikah Zabir
- Dr Chow Yean Fun
- Puan Faraliza Md Salleh
- Encik Asrul Munir Azizan
- Puan Shawira Abu Bakar
- Encik Ahmadzulkarnain Ramli

Organisasi dan wakil daripada organisasi berikut:

- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Open University Malaysia (OUM)
- Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN.....	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT.....	xix
BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2.1 Definisi Penyuntingan dan Penilaian	4
1.2.2 Tujuan Penyuntingan dan Penilaian	8
1.2.3 Proses Penyuntingan dan Penilaian.....	11
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Tujuan Kajian.....	21
1.5 Objektif Kajian.....	21
1.6 Persoalan Kajian.....	22
1.7 Kerangka Kajian.....	22
1.8 Skop dan Batasan Kajian	25
1.9 Kepentingan Kajian.....	26
1.10 Definisi Operasi	27
1.10.1 Terjemahan.....	27
1.10.2 Penyuntingan	27
1.10.3 Penilaian	28

1.10.4	Penaung	28
1.10.5	Ikhtisar Terjemahan.....	28
1.10.6	Model Penilaian Kualiti Terjemahan	29
1.10.7	Dimensi Pengguna Bahasa	29
1.10.8	Dimensi Penggunaan Bahasa	29
1.10.9	Kualiti.....	30
1.10.10	Teks Kesusasteraan	30
1.10.11	Buku Teks.....	31
1.10.12	Buku Panduan.....	31
1.11	Organisasi Kajian	31
1.12	Rumusan.....	33
BAB 2	SOROTAN KEPUSTAKAAN	34
2.1	Pengenalan	34
2.2	Penterjemahan sebagai Lakuan Komunikasi	34
2.3	Jenis Teks dan Genre	36
2.3.1	Genre Teks Kesusasteraan.....	41
2.3.1(a)	Jenis Teks Sastera	44
2.3.2	Genre Buku Teks.....	47
2.3.2(a)	Jenis Buku Teks	48
2.3.2(b)	Ciri Buku Teks.....	48
2.3.3	Genre Buku Panduan.....	49
2.3.3(a)	Jenis Buku Panduan.....	49
2.3.3(b)	Ciri Buku Panduan.....	50
2.4	Penyuntingan dan Terjemahan.....	51
2.4.1	Peralatan yang Digunakan oleh Penyunting.....	61
2.5	Penilaian dan Terjemahan	62
2.5.1	Model Penilaian Kualiti Terjemahan	76

2.5.1(a) Model Penilaian Kualiti Terjemahan Berdasarkan Kaedah Kuantitatif.....	77
2.5.1(b) Model Penilaian Kualiti Terjemahan Berdasarkan Kaedah Kualitatif.....	85
2.6 Faktor yang Mempengaruhi Proses Terjemahan.....	102
2.7 Faktor yang Mempengaruhi Proses Penyuntingan.....	105
2.8 Faktor yang Mempengaruhi Proses Penilaian.....	109
2.9 Rumusan.....	113
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....	118
3.1 Pengenalan	118
3.2 Reka Bentuk Kajian	118
3.2.1 Bahan Kajian	121
3.2.1(a) Pemilihan Jenis Teks dan Bilangan Teks	122
3.2.1(b) Prosedur Pengumpulan Data.....	126
3.3 Tatacara Kajian	128
3.4 Kerangka Pendekatan Kajian	130
3.4.1 Jenis Penyuntingan oleh Mossop (2020).....	131
3.4.1(a) Suntingan Naskhah	132
3.4.1(b) Suntingan Stilistik.....	132
3.4.1(c) Suntingan Struktur	132
3.4.1(d) Suntingan Kandungan.....	133
3.4.2 Penilaian Kualiti Terjemahan oleh House (2015)	133
3.4.2(a) Dimensi Pengguna Bahasa	133
3.4.2(b) Dimensi Penggunaan Bahasa.....	135
3.4.3 Ikhtisar Terjemahan oleh Nord (2005).....	137
3.4.3(a) Fungsi Teks.....	137
3.4.3(b) Pembaca Sasaran	138
3.4.3(c) Masa dan Tempat Penerimaan Teks	138

3.4.3(d)	Medium Penyampaian Teks	138
3.4.3(e)	Motif Penghasilan Teks	139
3.4.4	Aplikasi Kerangka Kajian dalam Analisis Data	139
3.5	Kaedah Kajian	141
3.5.1	Analisis Kandungan	143
3.5.2	Analisis Perbandingan Teks	145
3.5.2(a)	Kerja Penyuntingan	145
3.5.2(b)	Penilaian Kualiti Terjemahan	147
3.5.3	Temu Bual	147
3.5.3(a)	Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia	149
3.5.3(b)	Lokasi Kajian	150
3.5.3(c)	Populasi Kajian	151
3.5.3(d)	Kriteria Kajian	151
3.5.3(e)	Saiz Sampel	152
3.5.3(f)	Kaedah Pensampelan dan Pengambilan Subjek	154
3.5.3(g)	Temu Bual Separa Berstruktur	156
3.5.3(h)	Responden Temu Bual	156
3.6	Kajian Rintis	157
3.7	Rumusan	158
BAB 4	PENYUNTINGAN HASIL TERJEMAHAN	161
4.1	Pengenalan	161
4.2	Analisis terhadap Cara Penyuntingan Terjemahan Teks Dilakukan	161
4.2.1	Penyuntingan Naskhah	162
4.2.2	Penyuntingan Stilistik	167
4.2.3	Penyuntingan Struktur	171
4.2.4	Penyuntingan Isi Kandungan	177
4.3	Justifikasi Pemilihan Teks, Ikhtisar Terjemahan dan Kandungan Teks	190

4.3.1	Justifikasi Pemilihan Teks	190
4.3.2	Ikhtisar Terjemahan.....	196
4.3.3	Kandungan Teks Sumber dan Teks Terjemahan.....	205
4.4	Peranan Penyunting dalam Tugas Terjemahan	217
4.5	Peranan Komisioner dalam Tugas Terjemahan.....	218
4.6	Rumusan.....	219
BAB 5	PENILAIAN TERJEMAHAN TEKS	221
5.1	Pengenalan	221
5.2	Analisis terhadap Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa pada Teks Terjemahan.....	221
5.2.1	Penilaian ke Atas TT1: <i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam</i>	222
5.2.2	Penilaian ke Atas TT2: <i>HBEC2803 Pembelajaran melalui Bermain</i>	232
5.2.3	Penilaian ke Atas TT3: <i>Garis Panduan Amalan Baik</i>	242
5.3	Analisis dari Segi Ikhtisar Terjemahan	258
5.3.1	Ikhtisar Terjemahan.....	261
5.3.2	Kandungan Teks Sumber dan Teks Terjemahan.....	269
5.3.3	Fungsi Teks	287
5.3.4	Pembaca Sasaran	290
5.3.5	Masa dan Tempat Penerimaan Teks.....	293
5.3.6	Medium Penyampaian Teks	295
5.3.7	Motif Penghasilan Teks.....	295
5.4	Dapatan dan Hubungannya dengan Objektif Kajian 3.....	303
5.4.1	Dapatan Teks Ekspresif	306
5.4.2	Dapatan Teks Informatif	308
5.4.3	Dapatan Teks Operatif.....	310
5.5	Penyampaian Maklumat kepada Penterjemah	312
5.5.1	Institut Terjemahan & Buku Malaysia	312

5.5.2	Open University Malaysia.....	313
5.5.3	Agensi Kelayakan Malaysia.....	313
5.6	Penyampaian Maklumat kepada Penyunting dan Penilai	314
5.6.1	Institut Terjemahan & Buku Malaysia	315
5.6.2	Open University Malaysia.....	315
5.6.3	Agensi Kelayakan Malaysia.....	316
5.7	Penilaian terhadap Penterjemah dan Penyunting	317
5.7.1	Institut Terjemahan & Buku Malaysia	317
5.7.2	Open University Malaysia.....	318
5.7.3	Agensi Kelayakan Malaysia.....	318
5.8	Rumusan.....	319
BAB 6	RUMUSAN	321
6.1	Pengenalan	321
6.2	Ringkasan Kajian	321
6.3	Dapatan Kajian.....	322
6.3.1	Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah cara penyuntingan dilakukan ke atas terjemahan teks bergenre teks sastera <i>Beneath a Marble Sky</i> , buku teks <i>HBEC2803 Learning through Play</i> dan buku panduan <i>Guidelines to Good Practices</i> ke dalam bahasa Melayu?	323
6.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa yang mempengaruhi proses penilaian hasil suntingan yang menyebabkan teks bergenre teks sastera, buku teks dan buku panduan yang dihasilkan berkualiti?.....	326
6.3.3	Persoalan Kajian 3: Adakah penyunting dan penilai mengambil kira faktor-faktor ikhtisar terjemahan semasa penyuntingan atau penilaian bagi meningkatkan kualiti teks terjemahan?.....	330
6.4	Sumbangan Kajian	336
6.5	Cadangan Membaiki Penyuntingan dan Penilaian Terjemahan Teks.....	339
6.6	Refleksi Kritikal Penyelidik.....	340
6.6.1	Refleksi terhadap Reka Bentuk Kajian	340

6.6.2	Refleksi terhadap Proses Analisis dan Dapatan	341
6.6.3	Cabaran dan Batasan daripada Penyelidikan.....	342
6.7	Cadangan Kajian Akan Datang.....	342
6.8	Kesimpulan	345
RUJUKAN		349
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Model Penilaian Kualiti Terjemahan Berdasarkan Kaedah Kuantitatif.....	78
Jadual 2.2 Model Penilaian Kualiti Terjemahan Berdasarkan Kaedah Kualitatif.....	86
Jadual 2.3 Kategori Kesalahan.....	100
Jadual 3.1 Prosedur Pengumpulan Data Mengikut Objektif Kajian.....	126
Jadual 3.2 Tiga Genre Teks yang Digunakan sebagai Korpus Kajian.....	143
Jadual 3.3 Kriteria Kemasukan dan Kriteria Pengecualian Kajian.....	151
Jadual 3.4 Sampel Kajian Berdasarkan Populasi (Perancangan Awal).....	153
Jadual 3.5 Sampel Kajian Berdasarkan Populasi.....	153
Jadual 3.6 Tarikh Temu Bual dengan Responden Berdasarkan Populasi	157
Jadual 4.1 Cara Penyuntingan, Bilangan Ayat dan Peratusan Suntingan	184
Jadual 4.2 Perbandingan Teks dan Penyuntingan Ayat.....	188
Jadual 4.3 Organisasi Bab bagi Buku <i>Beneath a Marble Sky</i> (TS1) dan <i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam</i> (TT1).....	205
Jadual 4.4 Organisasi Topik bagi Buku <i>HBEC2803 Learning through Play</i> (TS2) dan <i>HBEC2803 Belajar melalui Bermain</i> (TT2).....	208
Jadual 4.5 Organisasi Bab bagi Buku <i>Guidelines to Good Practices</i> (TS3) dan <i>Garis Panduan Amalan Baik</i> (TT3).....	214
Jadual 5.1 Bidang bagi TS1 dan TT1	223
Jadual 5.2 Tenor bagi TS1 dan TT1	225
Jadual 5.3 Mod bagi TS1 dan TT1	226
Jadual 5.4 Genre dan Fungsi Teks bagi TS1 dan TT1.....	227

Jadual 5.5	Penilaian Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa ke Atas TT1.....	228
Jadual 5.6	Pengiraan Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa dalam TT1	229
Jadual 5.7	Bidang bagi TS2 dan TT2	233
Jadual 5.8	Tenor bagi TS2 dan TT2	236
Jadual 5.9	Mod bagi TS2 dan TT2	236
Jadual 5.10	Genre dan Fungsi Teks bagi TS2 dan TT2.....	237
Jadual 5.11	Penilaian Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa ke Atas TT2.....	237
Jadual 5.12	Pengiraan Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa dalam TT2	239
Jadual 5.13	Bidang bagi TS3 dan TT3	243
Jadual 5.14	Tenor bagi TS3 dan TT3	244
Jadual 5.15	Mod bagi TS3 dan TT3	244
Jadual 5.16	Genre dan Fungsi Teks bagi TS3 dan TT3.....	245
Jadual 5.17	Penilaian Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa ke Atas TT3.....	245
Jadual 5.18	Pengiraan Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa dalam TT3	246
Jadual 5.19	Perbandingan Dimensi Pengguna Bahasa dan Dimensi Penggunaan Bahasa bagi TT1, TT2 dan TT3.....	250
Jadual 5.20	Perbandingan Contoh Dimensi bagi TT1, TT2 dan TT3.....	253
Jadual 5.21	Organisasi Bab bagi Buku <i>Beneath a Marble Sky</i> (TS1) dan <i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam</i> (TT1).....	269
Jadual 5.22	Organisasi Topik bagi Buku <i>HBEC2803 Learning through Play</i> (TS2) dan <i>HBEC2803 Belajar melalui Bermain</i> (TT2).....	272

Jadual 5.23	Organisasi Bab bagi Buku <i>Guidelines to Good Practices</i> (TS3) dan <i>Garis Panduan Amalan Baik</i> (TT3).....	278
Jadual 5.24	Ikhtisar Terjemahan Bahan Kajian Teks Sumber.....	281
Jadual 5.25	Ikhtisar Terjemahan Bahan Kajian Teks Terjemahan	283
Jadual 5.26	Ikhtisar Terjemahan Bahan Kajian TS1 dengan TT1.....	284
Jadual 5.27	Ikhtisar Terjemahan Bahan Kajian TS2 dengan TT2.....	285
Jadual 5.28	Ikhtisar Terjemahan Bahan Kajian TS3 dengan TT3.....	285
Jadual 5.29	Perbandingan antara Fungsi Teks bagi TS dengan TT.....	289
Jadual 5.30	Perbandingan antara Pembaca Sasaran TS dengan TT	292
Jadual 5.31	Perbandingan antara Masa dan Tempat Penerimaan Teks TS dengan TT.....	294
Jadual 5.32	Perbandingan antara Medium Penyampaian Teks bagi TS dengan TT.....	295
Jadual 5.33	Perbandingan antara Motif Penghasilan Teks bagi TS dengan TT	296
Jadual 5.34	Dapatan Pematuhan Ikhtisar Terjemahan oleh Penterjemah	298
Jadual 5.35	Dapatan Pematuhan Ikhtisar Terjemahan oleh Penyunting.....	300
Jadual 5.36	Dapatan Pematuhan Ikhtisar Terjemahan oleh Penilai.....	301
Jadual 6.1	Ringkasan Dapatan Kajian	345

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Peringkat proses penyuntingan dan proses penilaian teks terjemahan. 12
Rajah 1.2	Penilaian kualiti terjemahan 14
Rajah 2.1	Jenis teks dan genre 38
Rajah 2.2	Lapan dimensi oleh House (2015)..... 96
Rajah 2.3	Model penilaian kualiti terjemahan House (1997) 98
Rajah 2.4	Model penilaian kualiti terjemahan oleh House pada tahun 2015 99
Rajah 2.5	Faktor yang mempengaruhi proses terjemahan 102
Rajah 3.1	Perkaitan antara ejen dengan TT dan penyuntingan..... 118
Rajah 3.2	Reka bentuk kajian 120
Rajah 3.3	Tatacara kajian..... 128
Rajah 3.4	Carta alir kajian 130
Rajah 3.5	Kerangka pendekatan kajian..... 131
Rajah 4.1	Perbandingan peratusan penyuntingan mengikut kategori, teks dan penyunting 187
Rajah 4.2	Muka hadapan dan belakang TS1 bergenre novel..... 191
Rajah 4.3	Muka hadapan dan belakang TT1 bergenre novel..... 192
Rajah 4.4	Muka hadapan dan belakang TS2 bergenre buku teks 193
Rajah 4.5	Muka hadapan dan belakang TT2 bergenre buku teks 194
Rajah 4.6	Muka hadapan dan belakang TS3 genre buku panduan 195
Rajah 4.7	Muka hadapan dan belakang TT genre buku panduan 195
Rajah 5.1	Peratusan dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa dalam ayat pada TT1 231

Rajah 5.2	Peratusan dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa dalam ayat pada TT2	241
Rajah 5.3	Peratusan dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa dalam ayat pada TT3	248
Rajah 5.4	Cara pengiraan dimensi dilakukan	249
Rajah 5.5	Perbandingan peratus dimensi bahasa dan dimensi penggunaan bahasa bagi TT1, TT2 dan TT3.....	251

SENARAI SINGKATAN

BI	Bahasa Inggeris
<i>Beneath a Marble Sky</i>	<i>Beneath a Marble Sky: A Novel of the Taj Mahal</i>
BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DT	Draf terjemahan akhir oleh penterjemah
DT1	Draf terjemahan akhir oleh penterjemah buku <i>Beneath a Marble Sky: A Novel of the Taj Mahal</i>
DT2	Draf terjemahan akhir oleh penterjemah buku <i>HBEC2803 Learning through Play in Early Childhood Education</i>
DT3	Draf terjemahan akhir oleh penterjemah buku <i>Guidelines to Good Practices: Academic Staff</i>
<i>Garis Panduan Amalan Baik</i>	<i>Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik</i>
<i>Guidelines to Good Practices</i>	<i>Guidelines to Good Practices: Academic Staff</i>
<i>HBEC2803 Learning through Play</i>	<i>HBEC2803 Learning through Play in Early Childhood Education</i>
<i>HBEC2803 Pembelajaran melalui Bermain</i>	<i>HBEC2803 Pembelajaran melalui Bermain dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak</i>
HS	Hasil suntingan oleh penyunting
HS1	Hasil suntingan oleh penyunting buku <i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam: Keasyikan Cinta Taj Mahal</i>
HS2	Hasil suntingan oleh penyunting buku <i>HBEC2803 Pembelajaran melalui Bermain dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak</i>
HS3	Hasil suntingan oleh penyunting buku <i>Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik</i>

ID	Pereka bentuk pengajaran (<i>instructional designer</i>)
IPT	Institut Pengajian Tinggi
ITBM	Institut Terjemahan & Buku Malaysia
<i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam</i>	<i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam: Keasyikan Cinta Taj Mahal</i>
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Agency</i>)
OUM	Open University Malaysia
PPT	Pemberi Perkhidmatan Tinggi
SME	Pakar rujuk subjek (<i>subject matter expert</i>)
TS	Teks sumber
TS1	<i>Beneath a Marble Sky: A Novel of the Taj Mahal</i>
TS2	<i>HBEC2803 Learning through Play in Early Childhood Education</i>
TS3	<i>Guidelines to Good Practices: Academic Staff</i>
TT	Teks Terjemahan
TT1	<i>Di Bawah Lengkung Langit Pualam: Keasyikan Cinta Taj Mahal</i>
TT2	<i>HBEC2803 Pembelajaran melalui Bermain dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak</i>
TT3	<i>Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik</i>
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia
LAMPIRAN B	Borang Persetujuan Ditemu Bual
LAMPIRAN C	Soalan Temu Bual kepada ITBM
LAMPIRAN D	Soalan Temu Bual kepada OUM
LAMPIRAN E	Soalan Temu Bual kepada MQA
LAMPIRAN F	Panduan untuk Penterjemah ITBM
LAMPIRAN G	Senarai Semak Penterjemahan ITBM
LAMPIRAN H	Senarai Semak Penyuntingan ITBM
LAMPIRAN I	Senarai Semak Penilaian Kerja Penterjemahan/Suntingan ITBM
LAMPIRAN J	Panduan untuk Penterjemah OUM
LAMPIRAN K	Senarai Semak Penterjemahan OUM
LAMPIRAN L	Panduan untuk Penyunting OUM
LAMPIRAN M	Senarai Semak Kawalan Kualiti OUM
LAMPIRAN N	Borang Penilaian Penterjemahan OUM
LAMPIRAN O	Kriteria Suntingan dan Penilaian MQA

ANALISIS PENYUNTINGAN DAN PENILAIAN KUALITI TERJEMAHAN TEKS EKSPRESIF, INFORMATIF DAN OPERATIF

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan bidang penyuntingan dan penilaian teks terjemahan (TT), iaitu dua aspek yang saling berkait rapat dalam menentukan kualiti terjemahan. Walaupun kualiti terjemahan menjadi permasalahan saban tahun, tiada kajian yang dijalankan tentang isu kualiti dari perspektif penyuntingan dan penilaian secara serentak. Kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif utama: (i) mengenal pasti cara penyuntingan dilakukan ke atas terjemahan teks bergenre novel *Beneath a Marble Sky*, buku teks *HBEC2803 Learning through Play* dan buku panduan *Guidelines to Good Practices* ke dalam bahasa Melayu; (ii) menganalisis dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa yang mempengaruhi penilaian hasil suntingan; dan (iii) menghuraikan sama ada ikhtisar terjemahan diambil kira oleh penyunting dan penilai bagi meningkatkan kualiti TT. Sumber data adalah dari Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Open University Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan, perbandingan teks, dan temu bual separa berstruktur terhadap tiga teks terjemahan berlainan genre. Analisis berpandukan kategori penyuntingan Mossop (2020), dimensi House (2015) dan teori ikhtisar terjemahan Nord (2005). Dapatan menunjukkan teks kesusasteraan menonjol dengan suntingan stilistik (44.28%) dan dimensi asal usul geografi (86.50%), buku teks menekankan suntingan struktur (20.21%) dan dimensi penyertaan (38.60%), sementara buku panduan memfokuskan suntingan naskhah (33.05%) dan dominasi dimensi wilayah (25.40%). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kepentingan penyuntingan, penilaian dan ikhtisar terjemahan dalam penghasilan TT yang berkualiti.

ANALYSIS OF EDITING AND TRANSLATION QUALITY ASSESSMENT OF EXPRESSIVE, INFORMATIVE AND OPERATIVE TEXTS

ABSTRACT

This study focuses on the field of translation text (TT) editing and assessment, which are two closely interrelated aspects in determining translation quality. Although translation quality has been a recurring issue over the years, no study has been conducted to examine this matter simultaneously from the perspectives of editing and assessment. This study aims to achieve three main objectives: (i) identify how editing is carried out on the translation of a literary text *Beneath a Marble Sky*, a textbook *HBEC2803 Learning through Play*, and a handbook *Guidelines to Good Practices* into Malay; (ii) analyse the dimensions of language user and language use that influence the assessment of edited translations; and (iii) explain whether translation briefs are taken into account by editors and evaluators to improve TT quality. A qualitative approach was employed through content analysis, text comparison, and semi-structured interviews of three translated texts of different genres. The data were obtained from the Malaysian Institute of Translation & Books, Open University Malaysia, and the Malaysian Qualifications Agency. The analysis was guided by Mossop's (2020) categories of translation editing, House's (2015) dimensions, and Nord's (2005) theory of translation briefs. The findings show that the literary text emphasised stylistic editing (44.28%) and the dimension of geographical origin (86.50%), the textbook highlighted structural editing (20.21%) and the dimension of participation (38.60%), while the handbook focused on copyediting (33.05%) with dominance in the dimensions of region (25.40%). In conclusion, this study highlights the importance of editing, assessment, and translation brief in producing quality TTs.

BAB 1

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

1.1 Pengenalan

Bab 1 mengupas latar belakang kajian yang dibahagikan kepada tiga bahagian berfokus, iaitu definisi penyuntingan dan penilaian terjemahan (1.2.1), tujuan penyuntingan dan penilaian (1.2.2) serta cara penyuntingan dan penilaian (1.2.3). Seterusnya, pernyataan masalah (1.3) yang menghuraikan permasalahan dalam bidang terjemahan dari segi isu yang perlu ditangani sehingga memerlukan pengkajian mendalam dan mengkhusus dari aspek penyuntingan dan penilaian terjemahan.

Penelitian juga dilakukan terhadap tujuan kajian (1.4), objektif kajian (1.5) yang perlu dicapai dan persoalan kajian (1.6) yang memerlukan jawapan daripada kajian yang dijalankan. Kerangka kajian (1.7) merupakan perkara utama dalam kajian ini, yang diikuti dengan skop dan batasan kajian (1.8). Bab ini juga membincangkan kepentingan kajian (1.9) dan penerangan mengenai definisi operasi (1.10) yang digunakan dalam kajian yang merangkumi terjemahan (1.10.1), penyuntingan (1.10.2), penilaian (1.10.3), penaung (1.10.4), ikhtisar terjemahan (1.10.5), analisis (1.10.6), model penilaian kualiti terjemahan (1.10.7), analisis kesalahan (1.10.8), dimensi pengguna bahasa (1.10.9), dimensi penggunaan bahasa (1.10.10), kualiti (1.10.11), teks kesusasteraan (1.10.12), buku teks (1.10.13) dan buku panduan (1.10.14). Organisasi kajian (1.11) mengutarakan susun atur isi kandungan kajian ini dan bab ini berakhir dengan rumusan (1.12).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai penyuntingan teks terjemahan (TT) kian meningkat saban tahun (Uotila, 2017). Walaupun pandangan ini diutarakan pada tahun 2017, kajian-

kajian semasa menunjukkan pola peningkatan masih berterusan. Antaranya ialah kajian oleh Tsuji (2024) yang membicarakan mengenai kesilapan yang berlaku selepas pascapenyuntingan menggunakan mesin terjemahan. Kajian Terribile (2023) pula merumuskan bahawa pascapenyuntingan menggunakan mesin terjemahan lebih pantas daripada terjemahan manusia. Mossop (2023) mengetengahkan isu mengenai tertib bacaan semasa pemeriksaan kualiti dwibahasa terjemahan yang melibatkan penyuntingan sendiri, penyuntingan oleh orang lain dan penyuntingan mesin, manakala kajian Chen et al. (2022) berkenaan dengan model penterjemahan, penyuntingan dan pembacaan prof (TEP – *translation, editing, and proofreading*).

Kepelbagaian arah kajian ini wujud kerana menterjemah ialah tugas yang rumit dan memerlukan tahap kebolehan dan kecekapan penterjemah yang tinggi dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kecekapan ini bukan sahaja setakat aspek linguistik (Giraldo, 2005), malah tatabahasa/bahasa dan budaya kedua-dua bahasa tersebut (Asyraf et al., 2022; Köksal & Yürük, 2020). Hal ini selari dengan kata-kata Tuan Nur Aisyah (2019) bahawa bahasa dan budaya yang saling berkait dan tidak dapat dipisahkan.

Selain kajian berfokuskan isu, pihak yang terlibat dan aktiviti penterjemahan dan penyuntingan juga penting untuk dikaji. Penghasilan sesuatu TT melibatkan peranan banyak pihak selaku ejen yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Ejen merujuk seseorang yang merupakan orang yang berada di tengah-tengah antara penterjemah dengan pengguna akhir penterjemah itu (Sager, 1994 dalam Shuttleworth & Cowie, 2014). Antara ejen ini ialah penaung, komisioner dan mediator. Ejen bukan hanya merujuk penterjemah, bahkan melibatkan pelbagai aktor dalam proses terjemahan (Jiang, 2022). Penaung boleh terdiri daripada penerbit, penaja atau penentu arah tuju penerbitan. Pihak-pihak ini memainkan peranan yang penting kerana dapat

menentukan bahan yang akan diterbitkan. Komisioner ialah orang yang bertindak sebagai pemberi tugas terjemahan, manakala mediator merupakan orang tengah yang menjadi penghubung antara ejen. Selain itu, ejen merangkumi penterjemah, penyunting dan penilai. Melalui ejen tersebut, aktiviti terjemahan menjadi suatu cara untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat daripada dua bahasa yang berbeza.

Aktiviti terjemahan di Malaysia melibatkan beberapa pihak dan organisasi penting. Aktiviti penterjemahan bermula secara sistematik sejak penubuhan Pejabat Karang Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada tahun 1924 (Abas et al., 2020; *Utusan Melayu*, 2014) yang kini dikenal sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris. Zainal Abidin Ahmad (1895–1973) atau Pendeta Za'ba diberi kepercayaan untuk menerajui hal ehwal penterjemahan. Pada tahun 1957, Bahagian Penterjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil alih aktiviti penterjemahan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1993, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) yang kini dikenal sebagai Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) diberi mandat untuk menerajui dan meneruskan kelangsungan aktiviti penterjemahan teks yang turut melibatkan penyuntingan dan penilaian teks terjemahan. Antara organisasi dan penerbit lain yang turut menghasilkan teks terjemahan ialah Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (PERODUA) yang menghasilkan manual kereta kepada pembeli kereta mereka, Penerbitan Pelangi yang menghasilkan buku rujukan kepada pelanggannya, dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA – *Malaysian Qualifications Agency*) yang menghasilkan pelbagai penerbitan termasuk laporan dan buku panduan yang sebahagiannya dalam dwibahasa BI dan BM.

Kepelbagaian pihak yang terlibat mengakibatkan variasi dalam bahan penerbitan yang diterbitkan. Teks yang dihasilkan oleh penaung berbeza mempunyai

genre yang tersendiri yang bersesuaian dengan motif penghasilan teks itu. Teks dengan genre yang berbeza akan menggunakan laras bahasa (*register*) yang berbeza. Penterjemah akan menterjemahkan teks itu mengikut ikhtisar terjemahan. Selesai terjemahan dilaksanakan oleh penterjemah, teks akan melalui proses suntingan untuk memurnikan teks supaya menepati keperluan teks dan mesra pembaca. Penilaian pula dilaksanakan untuk meneliti dan menguji keberhasilan TT dalam mencapai tujuan teks itu diterbitkan.

Bagi memberikan penerangan yang lebih terperinci mengenai latar belakang kajian ini, bahagian seterusnya akan membincangkan definisi penyuntingan dan penilaian (1.2.1) oleh para sarjana terjemahan, tujuan penyuntingan dan penilaian (1.2.2) itu dilakukan, dan cara penyuntingan dan penilaian (1.2.3) terjemahan teks.

1.2.1 Definisi Penyuntingan dan Penilaian

Setelah terjemahan dilaksanakan oleh penterjemah, teks akan melalui proses penyuntingan untuk memurnikan hasil terjemahan teks. Bagi TT, dua istilah yang sering digunakan untuk merujuk proses menyunting teks ialah penyuntingan (*editing*) dan penyemakan (*revision*). Di Malaysia, Alimie dan A'watif (2017) yang meneliti penyuntingan teks sains merupakan antara sarjana yang menggunakan istilah penyuntingan untuk merujuk tugas menyunting TT. Norhazlina (2015a) menggunakan istilah penyuntingan untuk merujuk suntingan pada teks terjemahan bagi teks bukan fiksyen. Hiew (2019) yang mengkaji isu terjemahan dan penyuntingan dari aspek masa juga konsisten menggunakan istilah penyuntingan. Oleh itu, para sarjana tempatan sepakat dalam penggunaan istilah penyuntingan untuk merujuk proses penyuntingan yang dibuat ke atas TS dan TT.

Kajian luar negara oleh Robert et al. (2023), Koponen et al. (2020), Künzli (2006a; 2006b) dan Chakhachiro (2005) menggunakan istilah penyemakan (*revision*) untuk merujuk suntingan pada TT. Robert et al. (2023) menggunakan istilah penyemakan dalam kajian beliau berkenaan dengan kecekapan terjemahan, kecekapan semakan terjemahan dan kecekapan pascapenyuntingan. Koponen et al. (2020) mendefinisikan penyemakan sebagai tindakan memeriksa terjemahan dan membuat perubahan yang diperlukan untuk mencapai pematuhan kepada kriteria linguistik dan fungsian yang diiktiraf. Künzli (2006a; 2006b) pula menggunakan istilah penyemakan bagi menyelidik pengajaran dan pembelajaran penyemakan terjemahan berdasarkan protokol berfikir secara verbal serta kajian berkenaan penyemakan terjemahan teks teknikal yang melibatkan penterjemah profesional. Chakhachiro (2005) menggunakan istilah penyemakan bagi mengkaji kualiti penyemakan dari sudut kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh penyunting.

Mossop (2020) sebaliknya membezakan antara kedua-dua istilah tersebut, iaitu penyemakan (*revision*) bermakna membaca draf terjemahan untuk mencari kesalahan pada perenggan dan membuat ataupun mengesyorkan apa-apa pembetulan ataupun penambahbaikan yang diperlukan untuk memenuhi standard kualiti. Sementara penyuntingan (*editing*) bererti tugas membaca yang sama seperti penyemakan. Sebaliknya diaplikasikan ke atas teks yang bukannya versi terjemahan ataupun teks versi terjemahan tetapi dilakukan semakan dan dibetulkan seolah-olah itu ialah penulisan asal tanpa merujuk teks sumber yang dihasilkan dalam bahasa lain.

Mossop (2020) berpendapat bahawa untuk membetulkan kesalahan, seseorang itu perlu menjumpainya terlebih dahulu. Beliau berpendapat bahawa penambahbaikan dilakukan ke atas teks terjemahan berdasarkan kesalahan dalam teks. Rasmussen dan Schjoldager (2013) mentakrifkan penyuntingan sebagai aktiviti pembacaan semula;

penyuntingan umpama proses acuan yang menjadikan sesuatu TT sebagai ganti TS; dan penyuntingan seperti menggilap batu yang mempunyai permukaan yang kasar menjadi batu yang sangat bernilai, cantik, halus dan berkilat. Scocchera (2013) mendefinisikan penyuntingan sebagai pembetulan dan/atau penambahbaikan terhadap terjemahan profesional yang dilaksanakan oleh seseorang selain penterjemah, sebelum terjemahan itu diserahkan kepada pelanggan.

Berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa penyuntingan bermaksud memurnikan TT supaya TT akhir yang dihasilkan menepati kriteria penerbit dan dapat difahami dengan baik oleh pembaca sasaran. Antara penyuntingan yang dilakukan melibatkan aspek kesalahan pada teks, tanda baca, ejaan, tata bahasa, kandungan, gaya bahasa, struktur ayat, keseragaman istilah, koherensi, koheren serta pemformatan seperti jenis fon, saiz fon dan jidar pada teks. Dalam kajian ini, istilah penyuntingan digunakan untuk merujuk aktiviti/proses menyunting TT.

Selesai penyuntingan, TT melalui proses penilaian dalam memastikan standard kualiti yang diharapkan berjaya dicapai. Tiga konsep yang sering memayungi dan digunakan dalam membicarakan aspek penilaian pada TT ialah analisis, kritikan dan penilaian (Hewson, 2011). Menurut McAlester (2000), analisis terjemahan teks merujuk hubungan antara teks sasaran dengan teks sumber (terjemahan sebagai produk) ataupun penyelidikan deskriptif dalam proses menghasilkan teks sasaran daripada teks sumber (penterjemahan sebagai penerbitan).

Sementara kritikan terjemahan merupakan penghubung antara teori terjemahan dan proses terjemahan (Yang & Fu, 2022). Kritikan terjemahan ialah keterangan mengenai kesesuaian terjemahan yang membabitkan nilai markah. Namun, nilai ini tidak menggambarkan bahawa markah yang perlu diberi atau dianggap sebagai

kuantitatif. Penilaian terjemahan merujuk peletakan nilai terhadap terjemahan, iaitu pemberian markah tertentu, walaupun sekadar lulus ataupun gagal (McAlester, 2000). Penilaian kualiti terjemahan pada pandangan Ghafouripour dan Razieh (2018) ialah cara menilai terjemahan sedia ada dalam membezakan kesesuaian versi terjemahan berbanding dengan versi TS melalui penelitian. Penilaian bagi menentukan kualiti terjemahan dan seterusnya bayaran kepada penterjemah dan penyunting ini pada kebiasaannya dilakukan dengan pengiraan markah berdasarkan skor pemarkahan, formula atau kriteria yang ditetapkan oleh penaung.

Contoh syarikat yang mengaplikasikan skor pemarkahan bagi menentukan kualiti terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah ialah syarikat Gengo dari Amerika Syarikat. Penterjemah yang berhasrat untuk mendapatkan tugas daripada syarikat ini perlu mendaftar di laman sesawang gengo.com. Kad skor akan diberi berdasarkan empat aktiviti, iaitu tugas yang disediakan, jam menterjemah, unit yang diterjemahkan dan ganjaran yang diperoleh. Pakar bahasa memainkan peranan untuk menilai tugas dengan menggunakan sistem GoCheck yang memberikan sifar hingga 10 markah. Skor minimum untuk tugas bertaraf biasa dan profesional ialah 7 markah.

Pengiraan dibuat berdasarkan tiga kriteria, iaitu bilangan perkataan, bilangan kesalahan dan kesalahan major yang melibatkan kesalahan pengguguran, kesalahan istilah, struktur perkataan, kesalahan ejaan dan kesalahan tanda baca. Penilai akan mengenal pasti enam jenis kesalahan dan ditandakan dalam sistem GoCheck: sintaks; ejaan; tanda baca; struktur ayat dan argumen; salah istilah; serta pengguguran dan penambahan. Penilaian yang dijalankan ini subjektif dan markah mungkin akan berkurangan sekiranya penterjemah tidak melakukan terjemahan secara aktif.

Berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa penyuntingan bermaksud menambah baik TT supaya bersesuaian dengan keperluannya. Sementara penilaian terjemahan dapat ditakrifkan sebagai penelitian yang terperinci dan menyeluruh pada teks untuk memberi penilaian ke atas produk terjemahan ataupun kemahiran penterjemahan sama ada penterjemah berjaya ataupun tidak berjaya mencapai kualiti yang ditetapkan.

1.2.2 Tujuan Penyuntingan dan Penilaian

Penyuntingan teks dilakukan dari dua sudut, iaitu sudut bahasa dan sudut bukan bahasa (Goh, 2013). Dari sudut bahasa, penyuntingan memastikan ketepatan makna diperoleh dan nahu yang betul dipraktikkan dalam teks. Dari sudut bukan bahasa, pemfokusan dibuat terhadap kesan komunikasi TT, kesan emosi pembaca dan budaya yang terlibat. Menurut Chakhachiro (2005), tujuan penyuntingan dilakukan adalah bagi memastikan terjemahan yang dihasilkan tepat dan pemindahan teks sumber itu diterima oleh pembaca sasaran. Ketepatan terjemahan ini merujuk aspek makna dan gaya, dan melakukan pemurnian yang diperlukan.

Teks sebaik-baiknya melalui proses penyuntingan demi pembaca sasaran khususnya supaya TT yang berkualiti dapat dihasilkan. Penyunting perlu membetulkan kesalahan penulisan sewaktu meneliti teks. Malahan, penyunting bertindak mengembangkan atau menggugurkan frasa mengikut kesesuaian dan konteks ayat supaya lebih mesra pengguna dan difahami audiens.

Penyuntingan terjemahan memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan terjemahan yang berkualiti tinggi; penyelidikan ke atas kecekapan penyuntingan terjemahan agak baharu dan kurang berkembang jika dibandingkan

dengan penyelidikan ke atas kecekapan terjemahan (Robert et al., 2017). Penilaian terjemahan pula dijalankan untuk menentukan tahap kesedaran budaya yang pelbagai; mengenal pasti jenis dan tahap kecekapan terjemahan; menilai tahap kecekapan bahasa yang biasanya bahasa kedua dan bahasa ketiga penterjemah; dan memastikan kesesuaian TT untuk penggunaan atau audiens sasaran (Adab, 2000).

Secara asasnya, penilaian dilakukan untuk memastikan teks terjemahan mencapai standard yang diperlukan (Rokiah, 2013). Melalui penilaian, dapat ditentukan kualiti terjemahan dan akreditasi. Kesimpulannya, penilaian dilakukan untuk mengetahui sama ada kualiti yang diharapkan telah tercapai. Cara seseorang menilai sama ada sesuatu TT itu berkualiti atau tidak adalah melalui pendekatan/kriteria/parameter penilaian yang berbeza.

Kadangkala, skala turut digunakan dalam menentukan tahap penilaian yang dibuat. Tahap kualiti terjemahan ini dapat dikategorikan antaranya sebagai terjemahan yang ‘baik’, ‘memuaskan’ dan ‘tidak boleh diterima’. Penilaian kualiti ini dijalankan sama ada terhadap produk terjemahan atau proses terjemahan. Penilaian terhadap produk terjemahan akan meneliti kualiti TT yang dihasilkan, manakala penilaian terhadap proses terjemahan akan meneliti kualiti berasaskan kecekapan penterjemah menjalankan tugasnya. Akreditasi adalah penting dalam memastikan dokumen disahkan dan disemak oleh mereka yang berkelayakan (Rokiah, 2013). Selain itu, akreditasi diberi kepada penterjemah untuk mengiktiraf kelayakannya sebagai penterjemah yang bertauliah.

Penilaian terjemahan juga merupakan aktiviti akademik dan umum yang semakin giat dijalankan (House, 2009) kerana semakin ramai orang menyedari kepentingannya dalam memastikan penterjemah yang dipilih berkualiti, seterusnya

dapat menghasilkan TT yang baik. Di luar negara, terdapat badan khas yang memantau dan menilai penterjemah, seterusnya memberikan akreditasi kepada mereka. Hal ini demikian kerana pentauliahan memberikan nilai tambah dan bukti seseorang itu layak menjadi penterjemah. *Canadian Translators, Terminologists and Interpreters Council* (CTTIC) merupakan badan kebangsaan yang diiktiraf dalam mewakili golongan penterjemah, jurubahasa dan pakar istilah di Kanada (Bendana & Melby, 2012). *American Translators Association* (ATA) ialah persatuan penterjemah dan jurubahasa terbesar di Amerika Syarikat yang memberi pentauliahan kepada penterjemah sejak tahun 1973. Penterjemah boleh menduduki peperiksaan oleh *National Accreditation Authority of Translators and Interpreters of Australia* (NAATI) untuk mendapatkan akreditasi. NAATI memberikan pentauliahan kepada penterjemah dan jurubahasa yang berminat untuk berkhidmat di Australia. Sistem pensijilan NAATI akan menilai kecekapan dan kebolehan penterjemah.

Di Malaysia, masih belum ada badan yang memberikan akreditasi sama ada kepada penterjemah, penyunting atau penyunting teks terjemahan. Namun, terdapat organisasi yang menyediakan latihan untuk penterjemah dan penyunting. Misalnya, ITBM menyediakan latihan dan kursus untuk menjadi penterjemah dan jurubahasa.

Misalnya, ITBM menyediakan pelbagai latihan dan kursus dalam bidang penterjemahan dan jurubahasa. Penterjemah boleh mengikuti kursus yang ditawarkan bagi mendapat sijil. Sijil ini seterusnya boleh dimanfaatkan oleh penterjemah untuk mendapatkan pekerjaan sebagai penterjemah atau jurubahasa sambilan. Penterjemah boleh memohon untuk disenaraikan sebagai penterjemah luar ITBM dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan, termasuk lulus ujian penilaian yang dijalankan. Penyertaan dalam kursus anjuran ITBM tidak secara automatik melayakkan seseorang menjadi

penterjemah luar. Hanya calon yang berjaya melepasi penilaian dan memenuhi syarat kelayakan akan disenaraikan secara rasmi sebagai penterjemah luar ITBM.

Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) menawarkan Diploma Profesional Penterjemahan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). ITBM juga baru menawarkan program Diploma Profesional Penterjemahan ITBM yang bermula pada bulan Jun 2025. Sekiranya penterjemah mengikuti program ini dan berjaya memperoleh diploma, pengiktirafan ini secara tidak langsung meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan kerja penterjemahan. Penterjemah juga boleh memohon untuk menjadi ahli PPM sama ada secara tahunan ataupun seumur hidup.


Dari aspek pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia, pelajar boleh mengikuti pengajian bidang terjemahan dan interpretasi pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah. Hanya USM yang menawarkan pengajian terjemahan pada peringkat ijazah sarjana muda. Menerusi program ini, pelajar akan mempelajari ilmu penyuntingan dan penilaian terjemahan.

Dapat dirumuskan bahawa takrif dan kriteria kedua-duanya oleh penerbit adalah berbeza berdasarkan kayu ukur masing-masing; penyuntingan dilakukan untuk memurnikan teks supaya menepati keperluan teks, kualiti sasaran dan mesra pembaca, manakala penilaian pula dilakukan untuk menguji keberhasilan TT dalam mencapai tujuan teks itu diterbitkan.

1.2.3 Proses Penyuntingan dan Penilaian

Penyuntingan dilakukan untuk memurnikan teks. Sebaliknya, penilaian dilakukan untuk menilai sama ada terjemahan teks yang dihasilkan menepati keperluan

dan menepati kriteria yang ditetapkan oleh pemberi tugas. Rajah 1.1 memaparkan peringkat proses penyuntingan dan penilaian TT.



Rajah 1.1 Peringkat proses penyuntingan dan proses penilaian teks terjemahan.
Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada Goh (2013)

Rajah 1.1 memaparkan peringkat proses penyuntingan berserta contoh yang terdiri daripada tiga proses, iaitu membaca dan menyunting teks terjemahan, menambah baik teks terjemahan, dan membaca pruf dan menghantar teks hasil suntingan. Peringkat proses penilaian berserta contoh selanjutnya terdiri daripada dua proses, iaitu menilai


teks dan memberikan pemarkahan. Menerusi rajah ini, terdapat perbezaan antara penyuntingan dengan penilaian TT yang penyuntingan melakukan perubahan pada teks terjemahan tetapi penilai tidak melakukan perubahan, sebaliknya hanya melakukan penilaian dan memberikan pemarkahan ke atas teks terjemahan.

Mossop (2020) membahagikan tugas suntingan kepada empat jenis, iaitu suntingan naskhah (*copyediting*), suntingan stilistik (*stylistic editing*), suntingan struktur (*structural editing*) dan suntingan kandungan (*content editing*). Penyunting akan membetulkan manuskrip dalam proses penyuntingan naskhah. Dalam proses penyuntingan stilistik, penyunting lebih menjurus ke arah melakukan penambahbaikan pada teks. Dalam proses penyuntingan struktur, penyunting akan menyusun atur teks supaya pembaca dapat lebih memahami kandungan teks. Proses penyuntingan isi kandungan melibatkan penyunting yang akan mencadangkan penambahan ataupun penguguran pada bahagian tertentu dalam teks. Melalui pengaplikasian empat cara teks ini untuk penyuntingan, penyunting dapat menghasilkan TT yang berkualiti dan menepati standard yang ditetapkan oleh komisioner dan penaung, seterusnya memenuhi jangkaan pembaca sasaran.

Penilaian kualiti terjemahan terbahagi kepada dua kategori, iaitu proses dan produk (rujuk Rajah 1.2). Bagi kategori pertama, penilaian dilakukan dari segi kemahiran penterjemah melaksanakan kerjanya. Dua subkategori bagi proses ini ialah pertama, persekitaran dalam kelas yang melibatkan proses penilaian secara didaktik. Hal ini merangkumi tugas dan ujian oleh pelajar penterjemah. Bagi subkategori kedua, iaitu persekitaran profesional, penilaian dilaksanakan terhadap hasil terjemahan, misalnya novel dan sari kata. Penilaian bagi subkategori kedua ini melibatkan (i) jaminan kualiti yang memastikan kualiti penterjemah selesai semakan dan adalah terjamin, (ii) pengurangan kualiti yang penterjemah didapati menghasilkan kualiti yang

tidak memenuhi kriteria penerbit, (iii) kritikan terjemahan yang mendapat maklum balas negatif oleh penilai dan (iv) sijil terjemahan yang memaklumkan pencapaian markah yang memadai oleh penterjemah untuk diperakukan dengan sijil tersebut.

Bagi kategori kedua, iaitu penilaian kualiti terjemahan sebagai produk, ia terdiri daripada (i) penilaian sumatif/formatif yang merupakan terjemahan tugas di dalam kelas, (ii) penilaian metateks genre berbeza yang terjemahan teks disimpan, (iii) penilaian sumatif yang merupakan terjemahan bagi tugas pensijilan, dan (iv) penilaian kualiti produk terjemahan yang meneliti terjemahan teks pragmatik. Setelah proses penilaian ini selesai, teks itu diluluskan untuk proses percetakan.



Rajah 1.2 Penilaian kualiti terjemahan
Sumber: Zehnalova (2016)

Penilaian terjemahan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu penilaian sumatif dan penilaian formatif. Orlando (2011) misalnya menekankan kepelbagaian bentuk penilaian dalam latihan penterjemah profesional: penilaian sumatif lazimnya dijalankan pada setiap pusingan latihan atau penghujung semester, manakala penilaian formatif berlaku sepanjang proses latihan di universiti. Eyckmans dan Anckaert (2017) pula menyorot aspek kualiti psikometrik dengan memberi tumpuan kepada isu objektiviti dan kebolehpercayaan penilaian sumatif, yang menunjukkan keprihatinan terhadap keadilan serta konsistensi penilaian dalam konteks pendidikan.

Berbeza dengan penekanan pendidikan, cadangan Gouadec (1989 dalam Saldanha & O'Brien, 2013; 1981) berorientasikan teknikal, melalui penyusunan skala 675 jenis kesalahan sebagai parameter penilaian. Walaupun skala ini menyeluruh, kelemahannya ialah kesukaran praktikal kerana memerlukan masa yang panjang untuk diaplikasikan. Pandangan ini seiring dengan Colina (2003) yang membezakan antara penilaian kualiti produk terjemahan dan penilaian kemahiran kognitif penterjemah, sekali gus memperlihatkan bahawa penilaian tidak seharusnya berhenti pada produk, tetapi juga perlu meneliti keupayaan kognitif yang mendasarinya.

Dari segi sejarah, Hewson (2011) menegaskan bahawa Katharina Reiss merupakan antara sarjana awal yang memperkenalkan penilaian kualiti terjemahan secara sistematik. Dalam model ini, terjemahan diberi pemeringkatan baik, kurang baik atau tidak baik, dengan pemisahan antara kesalahan major dan minor serta penggunaan pemarkahan penalti. Pendekatan ini menjadi asas kepada perkembangan sistem pemarkahan kemudian. Arthern (1983) turut memperluas skop dengan menekankan penilaian hasil kerja penyunting, melalui lima kategori kualiti (cemerlang hingga tidak

memuaskan), yang memperlihatkan peralihan daripada penilaian produk semata-mata kepada penilaian proses penyuntingan.

Selain itu, Orlando (2011) memperkenalkan dimensi ketiga – penilaian normatif, iaitu penilaian berdasarkan norma industri penterjemahan dan interpretasi. Bagi beliau, langkah awal dalam penilaian ialah menentukan sama ada terjemahan ditakrifkan sebagai produk atau sebagai proses, yang seterusnya menentukan pendekatan penilaiannya. Pandangan ini menunjukkan keperluan menghubungkan standard akademik dengan standard industri.

Mellinger (2018) pula melihat penilaian sebagai mekanisme untuk meningkatkan kefahaman dan komunikasi dalam teks, dengan memastikan mesej daripada teks sumber dapat disampaikan kepada pembaca sasaran secara tepat dan mengikut norma tempatan. Perspektif ini menekankan fungsi komunikasi sebagai asas kualiti terjemahan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini memperlihatkan bahawa sarjana berbeza dari segi fokus: ada yang menekankan penilaian pendidikan (Orlando, Eyckmans & Anckaert), ada yang menekankan aspek teknikal dan sistem kesalahan (Gouadec, Reiss), ada yang melihat kepada kemahiran kognitif penterjemah (Colina), dan ada pula yang menekankan peranan industri serta komunikasi (Arthern, Mellinger). Sintesis ini menunjukkan bahawa penilaian kualiti terjemahan berkembang daripada penekanan kepada produk kepada pengiktirafan terhadap proses, kemahiran kognitif, dan norma industri. Perkembangan ini penting kerana kajian ini menggabungkan perspektif penyuntingan dan penilaian secara serentak untuk menilai kualiti TT.

Rumusannya, setiap sarjana mempunyai cara tersendiri untuk menyunting dan memberikan nilai terhadap TT. Hasilnya adalah untuk menentukan sama ada kualiti TT tercapai ataupun tidak.

1.3 Pernyataan Masalah

Penyuntingan dan penilaian TT saling berkait antara satu sama lain. Melalui penyuntingan, pemurnian dapat dilakukan terhadap TT supaya pembaca sasaran lebih memahami kandungan teks. Penilaian pula dilakukan bagi menentukan sama ada terjemahan akhir menepati kriteria yang ditetapkan oleh penaung, penerbit atau komisioner. Penilaian kualiti terjemahan dilakukan dengan cara memanfaatkan parameter tertentu. Walau bagaimanapun, penyuntingan dan penilaian yang dilaksanakan ini tertakluk pada ikhtisar terjemahan yang berkait rapat dengan ideologi penaung. Ideologi penaung juga berbeza-beza mengikut visi, misi dan objektif penubuhan masing-masing.

Kajian penyuntingan dan penilaian TT dalam BM adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan kajian penyuntingan dan penilaian TT dalam BI yang dijalankan oleh Mossop (2020), Bisiada (2018a; 2018b; 2017), Ipsen dan Dam (2016), House (2014), Colina (2009), Angelelli (2009), Palumbo (2009), Lauscher (2000), dan Kussmaul (1995). Oleh sebab masalah-masalah yang dinyatakan, kajian ini dijalankan sebagai usaha untuk mengatasi kekurangan ini. Berdasarkan sorotan kepustakaan dari tahun 1959 hingga 2025, masih tiada kajian yang dilakukan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kedua-dua penyuntingan dan penilaian TT. Dapatan tiada kajian bukan bermaksud kajian ini tidak penting. Hal ini demikian kerana ramai penterjemah yang menggunakan mesin terjemah untuk melakukan terjemahan, dan seterusnya melakukan suntingan terjemahan tanpa mendapatkan perkhidmatan penyuntingan oleh penyunting profesional.

Situasi ini jelas bertentangan dengan pandangan Hartley et al. (2007) yang menegaskan tentang kepentingan penyunting dalam memastikan kualiti terjemahan yang baik dapat dihasilkan. Tindakan penterjemah yang melakukan kerja penyuntingan juga boleh mempengaruhi kualiti akhir TT. Hal ini demikian kerana skop tugas dan kemahiran penterjemah dan penyunting adalah tidak sama, yang antaranya merangkumi memurnikan kesilapan dari segi tatabahasa, ejaan, gaya serta penggunaan laras bahasa yang kurang sesuai dan tidak tepat (Harmon, 2022). Faktor klien dan majikan yang berbeza juga mengakibatkan sukar untuk mendapatkan satu garis panduan yang piawai bagi skop tugas penterjemah dan penyunting.

Dalam kajian oleh Harmon (2022), pelbagai bentuk kesilapan dalam terjemahan teks sastera dikenal pasti, merangkumi kesilapan dari segi tatabahasa, struktur ayat (*realisation errors*), kesalahan ejaan dan pilihan kata (*semantic misinterpretation*) serta penyimpangan gaya dan laras bahasa yang tidak selaras dengan maksud asal atau konteks TS. Antara kesilapan yang dikenal pasti termasuk penggunaan frasa yang terlalu sastera atau lapuk dalam situasi yang memerlukan gaya bahasa yang lebih semula jadi, pemilihan kata yang membawa konotasi yang tidak sesuai serta struktur ayat yang mengganggu kejelasan mesej. Harmon turut menekankan bahawa sesetengah kesilapan ini berpunca daripada interpretasi yang lemah terhadap TS, kekurangan kepekaan terhadap norma budaya bahasa sasaran atau gaya penterjemah yang menyimpang daripada strategi terjemahan yang sah.

Oleh itu, kesilapan dalam terjemahan tidak hanya terhad kepada aspek leksikal tetapi juga mencakupi pelanggaran terhadap konvensi linguistik dan gaya yang boleh menggugat kualiti dan keberkesanan penceritaan dalam TT. Sehubungan dengan itu, proses penyuntingan yang baik memainkan peranan yang penting supaya produk akhir yang baik terhasil. Sekiranya teks sastera sahaja sudah mempunyai pelbagai kekangan,

sudah semestinya genre teks yang lain juga mempunyai kekangan yang menarik untuk dikaji. Tambahan pula, teks boleh dikategorikan kepada teks ekspresif, teks informatif dan teks operatif. Terdapat pelbagai kekangan yang boleh dikaji berdasarkan pembahagian teks kepada tiga jenis ini, sama ada wujud persamaan atau pertindihan antara ketiga-tiganya.

Akreditasi memainkan peranan yang penting dalam profesion penterjemahan di Malaysia, terutamanya dalam memberi pengiktirafan secara rasmi kepada penterjemah bertauliah, sebagai nilai tambah dan bukti kepakaran penterjemah terhadap hasil terjemahan mereka. Sehingga kini, belum ada badan khusus yang memberikan akreditasi terhadap hasil terjemahan di Malaysia. Dewasa ini, semakin ramai komisioner dan penaung menetapkan keperluan akreditasi sebagai prasyarat sebelum melantik penterjemah untuk melaksanakan tugas terjemahan. Ketiadaan badan yang memberikan akreditasi/pentauliahan yang sah menyebabkan kelayakan akademik seperti sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, dan ijazah kedoktoran dalam bidang terjemahan dijadikan indikator utama dalam menilai tahap kepakaran penterjemah.

Mohamed Zain et al. (2024) mengatakan bahawa terdapat keperluan untuk rangka kerja profesional dalam amalan penterjemahan dan kejurubahasaan di Malaysia, termasuk penubuhan kod etika profesional dan pendaftaran sebagai golongan profesional melalui akses terbuka, untuk meningkatkan akreditasi dan integriti penterjemah. Hal ini selari dengan kenyataan oleh Rokiah (2013) bahawa melalui akreditasi, dokumen dapat disahkan dan disemak oleh mereka yang berkelayakan. Kajian oleh Mohamad Jad Hamizan et al. (2023) misalnya menyorot 30 penulisan akademik bagi mengenal pasti tema utama pentauliahan penterjemah ke arah pembentukan model pentauliahan berkesan di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-

kajian yang dijalankan dan cadangan ini masih pada peringkat idea dan proses pelaksanaan yang impak keberkesanannya masih belum dapat ditentukan.

Selain perbezaan kemahiran yang diperlukan antara penyuntingan dan penterjemahan, isu kualiti turut ditekankan. Sekiranya produk yang dihasilkan berkualiti, pelanggan akan berpuas hati dan menggunakan perkhidmatan penterjemah itu (Mossop, 2020), salah terjemah turut diketengahkan oleh sarjana Elamin (2023) sebagai permasalahan dalam penyuntingan terjemahan. Salah terjemah berlaku kerana teks yang tidak ditangani secara sewajarnya, yang sekali gus menyebabkan kualiti terjemahan yang tidak baik terhasil. Terjemahan salah merupakan antara permasalahan dalam kajian penyuntingan dan penilaian kualiti terjemahan kerana penyuntingan dan penilaian adalah saling berkaitan.

Menurut Mossop (2020), terdapat penterjemah yang melakukan penyuntingan sendiri tanpa menggunakan perkhidmatan penyunting yang berpengetahuan dan berpengalaman. Situasi penyuntingan sendiri ini menyebabkan terdapat kesilapan pada teks. Muncul isu tiada kepastian mengenai pihak mana yang menjadi penentu dalam kriteria pencapaian kualiti (Williams, 2014), misalnya sama ada penerbit, pembaca, dari segi stilistik dan tahap bahasa. Seseorang penterjemah memperoleh tugas daripada komisioner. Komisioner mungkin sama ada penaung atau agensi lain. Penaung yang berbeza menghasilkan ikhtisar terjemahan dan parameter penilaian yang berbeza. Sehubungan dengan itu, perkara itu perlu diteliti sejak awal bagi memastikan mereka yang memberi arahan atau mediator datangnya daripada penaung atau kakitangan yang dilantik sebagai pengurus projek untuk penghasilan TT dari awal hingga akhir. Malah, penterjemah, penyunting dan penilai perlu meneliti ikhtisar terjemahan sejak awal bagi memastikan terjemahan teks menepati keperluan ikhtisar.

Isu berkenaan dengan penilaian, iaitu faktor yang mempengaruhi penilaian, berdasarkan penyelidikan oleh Ibrahim dan Mansor (2017), terdapat faktor dalam kawalan dan faktor luar kawalan yang mempengaruhi kualiti penilaian TT. Faktor dalam kawalan melibatkan penterjemah yang memilih strategi penterjemahan. Faktor luar kawalan merangkumi faktor autobiografi penterjemah-penyelidik; faktor pengetahuan penyelidik mengenai bahasa dan budaya yang dilaksanakan kajian bagi kategori penyelidik dan penterjemah ialah individu yang sama. Bagi kategori penyelidik dan penterjemah ialah individu yang berbeza, faktor luar kawalan ialah faktor kefasihan berbahasa penyelidik dalam bahasa penulisan. faktor autobiografi, faktor kecekapan dan faktor keadaan material penterjemah. Faktor ini perlu ditangani dengan memilih penterjemah, penyuntingan dan penilai yang bersesuaian dengan bidang.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini secara umumnya meneliti cara penyuntingan dilakukan, dimensi bahasa dan dimensi penggunaan bahasa, dan faktor ikhtisar terjemahan yang mempengaruhi kualiti teks terjemahan yang bergenre novel, buku teks dan buku panduan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara khususnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Mengenal pasti cara penyuntingan dilakukan ke atas terjemahan teks bergenre teks sastera *Beneath a Marble Sky*, buku teks *HBEC2803 Learning through Play* dan buku panduan *Guidelines to Good Practices* ke dalam bahasa Melayu.
- (ii) Menganalisis dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa yang mempengaruhi proses penilaian hasil suntingan terjemahan yang menyebabkan

teks bergenre teks sastera, buku teks dan buku panduan yang dihasilkan berkualiti.

- (iii) Menghuraikan sama ada penyunting dan penilai mengambil kira faktor-faktor ikhtisar terjemahan semasa melakukan penyuntingan atau penilaian bagi meningkatkan kualiti teks terjemahan.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Bagaimanakah cara penyuntingan dilakukan ke atas terjemahan teks bergenre teks sastera *Beneath a Marble Sky*, buku teks *HBEC2803 Learning through Play* dan buku panduan *Guidelines to Good Practices* ke dalam bahasa Melayu?
- (ii) Apakah dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa yang mempengaruhi proses penilaian hasil suntingan yang menyebabkan teks bergenre teks sastera, buku teks dan buku panduan yang dihasilkan berkualiti?
- (iii) Sejauh manakah penyunting dan penilai mengambil kira faktor-faktor ikhtisar terjemahan semasa melakukan penyuntingan atau penilaian bagi meningkatkan kualiti teks terjemahan?

1.7 Kerangka Kajian

Berdasarkan kajian lepas, fokus kajian adalah pada sama ada penyuntingan ataupun penilaian teks, dan bukan melibatkan kedua-duanya sekali. Kelompongan ini mendorong pengkaji untuk mengkaji kedua-dua penyuntingan dan penilaian TT yang diterbitkan. Pengkaji percaya untuk memahami dengan lebih luas dan terperinci serta mendapatkan gambaran yang lebih tepat, proses penyuntingan dan penilaian harus

dikaji bersama-sama. Bagi mengatasi masalah ini, penyuntingan dan penilaian TT adalah penting untuk dijalankan dalam memastikan teks sasaran yang dihasilkan berkualiti. Banyak pihak yang terlibat sehingga terhasilnya sesuatu penerbitan. Hal ini disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Bisiada (2017) yang mendapati antara peringkat yang terlibat dalam penterjemahan ialah penyuntingan, penilaian dan pembacaan pruf yang menyebabkan berlakunya perubahan yang kadangkala ketara.

Untuk tujuan kajian, tiga genre teks dikaji, iaitu teks sastera, buku teks dan buku panduan. Fokus kajian lepas adalah lebih kepada teks bukan fiksyen seperti teks teknikal dan teks berita (Norhazlina, 2015c; Alimie dan A'watif, 2017; Rokiah, 2000). Hal ini termasuk kajian yang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pengkaji percaya bahawa hasil kajian ini dapat mencambahkan kepustakaan dalam bidang suntingan dan penilaian TT daripada BI ke BM.

Kajian lepas di Malaysia lebih tertumpu pada kualiti terjemahan teks teknikal, penilaian teks berita, subkemahiran penterjemah dan model penilaian kualiti terjemahan. Kajian ini meneliti cara penyuntingan dilakukan, faktor yang memberi kesan pada penyuntingan dan penilaian, dan kesalahan pada tiga genre TT pilihan. Tiga genre TT ini boleh dikatakan kurang dijadikan bahan kajian. Namun demikian, ketiga-tiga genre TT ini mewakili genre TT jenis teks ekspresif, teks informatif dan teks operatif yang meluas dibaca, dirujuk dan digunakan di Malaysia.

Bagi menghasilkan TT yang berkualiti, penyuntingan dan penilaian TT adalah penting. Banyak pihak dan peringkat yang terlibat untuk mengeluarkan produk terjemahan yang berkualiti (Jiang, 2022; Bisiada, 2017). Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengatasi masalah lompong yang ada dalam bidang kajian terjemahan dan meningkatkan kesedaran pihak yang terlibat akan kepentingan penyuntingan dan penilaian dalam menerbitkan TT yang berkualiti.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan dan dijadikan panduan oleh semua pihak yang menggunakan bahasa/amalan penyuntingan seperti penerbit buku, penuntut dalam bidang terjemahan, penterjemah pelatih, penyunting pelatih, penterjemah, penyunting, pengamal industri dalam bidang terjemahan dan suntingan, pengawal kualiti terjemahan, pembaca prof dan tenaga pengajar subjek terjemahan serta sarjana dalam bidang terjemahan.

Penyelidikan yang dijalankan ini mendasari secara eklektik gagasan idea beberapa teori dan pendekatan, iaitu analisis penyuntingan melalui jenis penyuntingan TT oleh Mossop (2020), analisis penilaian hasil suntingan melalui dimensi pengguna bahasa (*dimensions of language user*) dan dimensi penggunaan bahasa (*dimensions of language use*) yang disarankan oleh House (2015), dan ikhtisar terjemahan (*translation brief*) oleh Nord (2005) yang mempengaruhi penyuntingan teks.

Mossop memperkenalkan empat jenis penyuntingan: penyuntingan naskhah, penyuntingan stilistik, penyuntingan struktur dan penyuntingan isi kandungan. House mengaplikasikan dua jenis dimensi, iaitu dimensi pengguna bahasa dan dimensi penggunaan bahasa. Dimensi pengguna bahasa terdiri daripada dimensi wahana, penyertaan (*participation*), hubungan dan peranan sosial (*social role relationship*), sikap sosial (*social attitude*) dan wilayah (*province*). Dimensi penggunaan bahasa terdiri daripada asal usul geografi (*geographical origin*), kelas sosial (*social class*) dan masa (*time*). Nord membicarakan mengenai ikhtisar terjemahan yang mempengaruhi penyuntingan teks kerana mengambil kira perkara yang dititikberatkan oleh penerbit buku dan analisis awal yang dilakukan.

Tiga pendekatan ini diaplikasikan untuk menjalankan analisis penilaian kualiti terjemahan terhadap tiga genre teks: teks kesusasteraan dalam bentuk novel, teks